

## **GARIS PANDUAN PERMOHONAN TAPISAN KESELAMATAN SEMULA KEPADА PEGAWAI AWAM MELALUI SISTEM e-VETTING**

### **TUJUAN**

Garis Panduan ini bertujuan memberikan panduan kepada semua pegawai awam untuk melaksanakan Permohonan Tapisan Keselamatan Semula melalui Sistem e-Vetting.

### **LATAR BELAKANG**

2. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) adalah kuasa pusat mengenai dasar dan pengurusan tapisan keselamatan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017). Semua urusan tapisan keselamatan hendaklah dirujuk kepada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan. Tapisan keselamatan dijalankan melalui kerjasama strategik bersama Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan agensi-agensi lain yang berkaitan.
  
3. Tapisan keselamatan adalah satu proses yang dapat membantu menentang kegiatan-kegiatan subversif, espionaj, sabotaj dan keganasan sama ada dari dalam atau luar negara. Proses ini juga mampu mengenal pasti kelemahan keperibadian pegawai awam, komuniti keselamatan termasuklah mereka yang berurus dengan mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan kepada Kerajaan.

4. Terdapat dua (2) jenis tapisan iaitu:
  - (a) Tapisan Keselamatan Halus; dan
  - (b) Tapisan Keselamatan Kasar
5. Kerajaan telah memutuskan pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam dikehendaki menjalani dan lulus tapisan keselamatan sama ada sebelum disahkan dalam perkhidmatan atau setelah disahkan dalam perkhidmatan. Namun begitu, **atas faktor kelemahan peribadi serta risiko ancaman keselamatan** maka Tapisan Keselamatan Semula perlu dilaksanakan selepas lima (5) tahun keputusan tapisan keselamatan terdahulu diterima iaitu selaras dengan perenggan 157, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).
6. Impak positif yang boleh diperolehi daripada pelaksanaan Tapisan Keselamatan Semula ini adalah sebagai salah satu kaedah mengenalpasti aktiviti subversif serta kelemahan peribadi pegawai awam dan **sekiranya tidak diberi perhatian serta tindakan mitigasi ianya boleh menjaskan keselamatan dan kerahsiaan maklumat Kerajaan.**

## **PELAKSANAAN**

7. Pelaksanaan Tapisan Keselamatan Semula ini akan dijalankan secara berfasa seperti berikut:
  - 7.1 **Fasa Pertama (Januari 2022 – Jun 2022)** - Tapisan keselamatan ke atas Pegawai Awam Persekutuan yang bertugas di Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan.
  - 7.2 **Fasa Kedua (Julai 2022 – Disember 2022)** - Tapisan keselamatan ke atas Pegawai Awam yang bertugas di Pentadbiran Kerajaan Negeri, Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri.

**7.3 Fasa Ketiga (Januari 2023 – Jun 2023)** - Tapisan keselamatan ke atas Pegawai Awam yang bertugas di Agensi Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Pelaksanaan berfasa ini memfokuskan kepada pegawai yang mengendalikan rahsia rasmi Kerajaan secara langsung seperti Ketua Jabatan, Pegawai Pengelas di bawah Seksyen 2B Akta Rahsia Rasmi, Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ), Pemegang Jawatan Keselamatan Berjadual (JKB), Pendaftar Rahsia dan mana-mana yang difikirkan perlu oleh Ketua Jabatan.

8. Ketua Jabatan hendaklah memastikan permohonan Tapisan Keselamatan Semula yang dihantar oleh pegawai kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) telah disahkan oleh Pengesah Jabatan Sistem e-Vetting dan memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:

- a. Pegawai telah menjalani dan lulus Tapisan Keselamatan Halus atau Tapisan Keselamatan Kasar; dan
- b. Pegawai mempunyai keputusan tapisan keselamatan telah melebihi tempoh lima (5) tahun atau mengikut keperluan keselamatan.

## **PROSES PERMOHONAN TAPISAN KESELAMATAN SEMULA MELALUI SISTEM e-VETTING.**

9. Langkah-langkah **proses permohonan** bagi Tapisan Keselamatan Semula adalah seperti berikut:

9.1 **Langkah 01:** Pemohon hendaklah Log Masuk melalui pautan <https://evetting.cgso.gov.my/cgso/login.jsf> sebagai **Pemohon Individu.** **ID Pengguna** dan **Kata Laluan** adalah sama seperti permohonan kali pertama.

**Gambar rajah 1 : Log Masuk**

The screenshot shows the login page for the e-Vetting 2.0 system. At the top, it displays the logo of the Malaysian Civil Service Commission (Jabatan Perdana Menteri) and the text "PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA JABATAN PERDANA MENTERI". Below this, the date "15 May 2020 9:48:08" and the "e-Vetting 2.0" logo are visible. A navigation bar at the top right includes links for "Log Masuk", "Daftar", "Soalan Lazim", "Aduan", "Panduan Pengguna", and "Hubungi Kami", with "BM | EN" language options. The main form area has fields for "ID Pengguna" and "Kata Laluan", with a "Lupa Kata Laluan" link and "Log Masuk" and "Set Semula" buttons. A red box highlights the "Pemohon Individu" radio button under the "Jenis Pengguna" section. The bottom of the page includes a note about browser compatibility: "Paparan terbaik menggunakan Mozilla Firefox 3 atau Internet Explorer 10.0 ke atas."

9.2 **Langkah 02:** Klik pada menu **Permohonan Baru**. Skrin senarai borang permohonan akan dipaparkan seperti di bawah. Klik pada pautan Jenis Permohonan **TAPISAN KESELAMATAN SEMULA** untuk membuat permohonan seperti **Gambar rajah 2** di bawah:

**Gambar rajah 2 : Senarai Borang Permohonan**

The screenshot shows the official website of the Malaysian Government's Safety Board (PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA) under the Prime Minister's Department (JABATAN PERDANA MENTERI). The page is titled 'Permohonan Baru' (New Application). A sidebar on the left lists options: PEMOHON, PERMOHONAN BARU (highlighted with a red box), PERTANYAAN STATUS, MUAT TURUN BORANG, TEMUDUGA, and MAKLUMBALAS PELANGGAN. The main content area displays a table of application types, with 'TAPISAN KESELAMATAN SEMULA' also highlighted with a red box. The table has columns for Bil (Number) and Jenis Permohonan (Type of Application). The application details are as follows:

Bil	Jenis Permohonan
1.	LANTIKAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (SPA) ATAU PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI ATAU PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)
2.	LANTIKAN BADAN BERKANUN
3.	LANTIKAN JAWATAN KESELAMATAN BERJADUAL
4.	TAPISAN KESELAMATAN KHAS
5.	<b>TAPISAN KESELAMATAN SEMULA</b> (highlighted with a red box)
6.	LANTIKAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN (SPP)
7.	TAPISAN PELAJAR TAJAAN
8.	LANTIKAN INSTALASI (WARGANEGARA)

(1 of 1) [Navigation icons] 1

Paparan terbaik menggunakan Mozilla Firefox 3 atau Internet Explorer 10.0 ke atas.

**9.3 Langkah 03:** Sila lengkapkan medan yang bertanda (\*) pada bahagian **Maklumat Profil** seperti **Gambar rajah 3** di bawah:

**Gambar rajah 3 : Maklumat Profil**

**TAPISAN KESELAMATAN SEMULA - BTK.KPKK 5/14**

**Maklumat Profil**

**\*Medan Wajib Diisi**  
Sila masukkan maklumat seperti di Kad Pengenalan Baru atau Pasport

**\*Gambar:**  **Sila muat naik Gambar berukuran saiz Pasport dalam format JPG dan tidak melebihi 200KB**

**Browse**

**Nama:** RUSZANI BIN ABD KARIM  
**Kerakyatan:** WARGANEGERA

**\*No. Kad Pengenalan Baru:**

**No. Kad Pengenalan Lama:**  **Wajib diisi bagi tahun kelahiran sebelum Mac 1978**

**No. Pasport:**

**Tarikh Tamat Pasport:**  hh/bb/tttt

**Warganegara:** MALAYSIA

**\*Tarikh Lahir:**

**\*Tempat Lahir:**

**Jantina:** SILA PILIH

**\*Agama:** SILA PILIH

**\*Alamat Tetap:**

**\*Negeri:** SILA PILIH

**\*Bandar:** SILA PILIH

**\*Poskod:**

**\*Alamat Surat Menyurat (Malaysia):**

**\*Negeri:** SILA PILIH

**\*Bandar:** SILA PILIH

**\*Poskod:**

**9.4 Langkah 04:** Sila lengkapkan medan yang bertanda (\*) pada bahagian **Maklumat Perjawatan** seperti **Gambar rajah 4** di bawah:

**Gambar rajah 4 : Maklumat Perjawatan**

**Maklumat Perjawatan**

**\*Kementerian / Negeri:** SILA PILIH

**\*Jabatan:** SILA PILIH

**\*Bahagian / Hospital / Unit:** SILA PILIH

**\*Jawatan Hakiki:** SILA PILIH

**\*Gred:** SILA PILIH

**\*Klasifikasi Perkhidmatan:** SILA PILIH

**\*Tarikh Lantikan:**  hh/bb/tttt

**\*Status Perkhidmatan:** SILA PILIH

\*Sila buat semakan dengan Pengesah Jabatan masing-masing sebelum mengisi medan perjawatan supaya permohonan dapat di proses oleh Pengesah Jabatan.

**9.5 Langkah 05:** Sila lengkapkan medan yang bertanda (\*) pada bahagian **Maklumat Peribadi** seperti **Gambar rajah 5** di bawah:

i) Format Alamat Facebook/Twitter dan Blog adalah seperti berikut:

Facebook: <http://www.facebook.com/<nama>>

Twitter: <http://www.twitter.com/<nama>>

Blog: <http://blogspot.com>

**Gambar rajah 5 : Maklumat Peribadi**

The screenshot shows a form titled "Maklumat Peribadi". The fields include:

- \* Taraf Perkahwinan: A dropdown menu with "SILA PILIH" selected.
- Bilangan Anak: A text input field.
- No. Telefon Rumah: A text input field.
- \* No. Telefon Bimbit: A text input field.
- \* Emel: A text input field.
- \* Alamat Pejabat: A large text input field.
- \* Negeri: A dropdown menu with "SILA PILIH" selected.
- \* Bandar: A dropdown menu with "SILA PILIH" selected.
- \* Poskod: A text input field.
- No. Telefon Pejabat: A text input field.
- No. Faks: A text input field.
- \* Alamat Facebook: A text input field with a note: "Jika tiada, sila masukkan 'Tiada'".
- \* Alamat Twitter: A text input field with a note: "Jika tiada, sila masukkan 'Tiada'".
- \* Alamat Blog: A text input field with a note: "Jika tiada, sila masukkan 'Tiada'".

### 9.6 Langkah 06:

- i) Sila lengkapkan medan yang bertanda (\*) pada bahagian **Maklumat Pasangan** seperti **Gambar rajah 6** di bawah.
- ii) Sila klik butang **Tambah** untuk menambah maklumat bagi pemohon yang mempunyai pasangan yang lebih dari satu.

**Gambar rajah 6 : Maklumat Pasangan**

The screenshot shows a web-based application for entering couple information. The main title is "Maklumat Pasangan". The form consists of several input fields with dropdown menus and text input boxes. Key fields include:

- \*Hubungan:** A dropdown menu with "SILA PILIH" selected.
- \*Nama:** An empty text input box.
- \*Kerakyatan:** A dropdown menu with "SILA PILIH" selected.
- No. Kad Pengenalan Baru/MyTentera/MyPR:** An empty text input box.
- No. Kad Pengenalan Lama:** An empty text input box with a note: "Wajib diisi bagi tahun kelahiran sebelum Mac 1978".
- No. Pasport:** An empty text input box.
- Tarikh Tamat Pasport:** A date input field with the placeholder "hh/bb/tttt".
- \*Warganegara:** A dropdown menu with "SILA PILIH" selected.
- \*Tarikh Lahir:** A date input field with the placeholder "hh/bb/tttt".
- \*Jantina:** A dropdown menu with "SILA PILIH" selected.
- \*Agama:** A dropdown menu with "SILA PILIH" selected.
- \*Alamat Tetap:** A large text input area.
- \*Negeri:** A dropdown menu with "SILA PILIH" selected.
- \*Bandar:** A dropdown menu with "SILA PILIH" selected.
- \*Poskod:** An empty text input box.
- No. Telefon Rumah:** An empty text input box.
- \*No. Telefon Bimbit:** An empty text input box with a note: "Jika tiada, sila masukkan simbol -".
- \*Pekerjaan:** An empty text input box.

A "Tambah" button is located in the top right corner of the form area.

### 9.7 Langkah 07:

- i) Sila penuhkan medan yang bertanda (\*) bagi bahagian **Maklumat Kesalahan yang menyalahi undang-undang** seperti **Gambar rajah 7** di bawah.
- ii) Sila klik butang **TAMBAH** untuk menambah maklumat kesalahan yang menyalahi undang-undang.

- iii) Sekiranya pemohon tidak mempunyai sebarang kesalahan sila pilih “**TIADA**” pada medan kesalahan.

### Gambar rajah 7 : Kesalahan Yang Menyalahi Undang-undang

- Kesalahan yang menyalahi undang-undang

\*Kesalahan:

SILA PILIH

Keterangan Kesalahan:

Tambah

9.8 **Langkah 08:** Sila klik pada “check box” “Perakuan ini dibuat pada Tarikh” seperti **Gambar rajah 8** di bawah:

- i) Klik butang **Simpan** untuk menyimpan permohonan.
- ii) Jika pemohon hendak menghantar borang permohonan, klik butang **Simpan dan Hantar**.
- iii) Jika pemohon ingin mengosongkan semua medan yang telah diisi, klik butang **Set Semula**.
- iv) Klik butang **Kembali** untuk kembali ke senarai **Jenis Permohonan**.

### Gambar rajah 8 : Perakuan

- Perakuan

Saya faham, sebarang kenyataan yang palsu atau keterangan yang ditinggal dengan sengaja boleh menyebabkan saya tidak layak untuk dilantik/disahkan dalam perkhidmatan atau tindakan tatatertib boleh diambil termasuklah tindakan dibuang kerja dan boleh diambil tindakan undang-undang yang sedang berkuatkuasa.


\*  **Perakuan ini dibuat pada tarikh**  
Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam dokumen ini adalah betul dan benar.

SULIT

Simpan Simpan dan Hantar Set Semula Kembali

10. Carta Alir proses permohonan Tapisan Keselamatan Semula adalah seperti **Gambar Rajah 9** di bawah:

**Gambar rajah 9 : Carta Alir Permohonan Tapisan Keselamatan Semula**



## PERHUBUNGAN

11. Sebarang kemasukan berhubung proses pengurusan tapisan keselamatan semula boleh menghubungi talian Hotline seperti berikut:-

- 03-8872 6021 / 6012 / 6015 / 6020
- 03-8888 3270 (Fax)

## **PENUTUP**

12. Garis Panduan ini terpakai kepada semua pegawai awam di Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan, Pentadbiran Kerajaan Negeri, Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri, Agensi Badan Berkanun serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk melaksanakan Tapisan Keselamatan Semula selepas lima (5) tahun keputusan tapisan keselamatan yang terdahulu melalui Sistem e-Vetting.

## **TARIKH KUAT KUASA**

13. Pemakaian garis panduan Tapisan Keselamatan Semula ini adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

**Disediakan Oleh :**

**Bahagian Keselamatan Personel**

**Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia**

**Jabatan Perdana Menteri**

**09 Disember 2021**